




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 8 RABU 23 FEBRUARI, 1966. 1385 رابو 3 ذوالقعدة

PERCHUMA

Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha Mengucapkan Tahniah Kapada P.G.G.M.B.



YANG DI-MULIAKAN PEHIN
ORANG KAYA INDERA LELA
HAJI ISMAIL

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kali yang ka-18 di-Dewan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada pagi hari Juma'at 18 Februari, 1966.

Dalam ucapan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha di-majlis tersebut, Y.T.M. telah mengucapkan tahniah kepada P.G.G.M.B. dan berharap sa-moga persidangan-nya yang di-adakan pada hari itu akan melahirkan

LONDON. — Satu istiadat mengurniakan gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Lela kepada Yang Mulia Mudim Haji Ismail bin Serudin telah di-adakan di-bangunan nombor 75 Reddington Road, Hamstead, London, pada hari Rabu 16 Februari, 1966.

Mulai pada sa'at di-laksanakan istiadat tersebut, Yang Mulia Mudim Haji Ismail di-gelarkan sa-bagai Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Lela Haji Ismail.

Di-antara para hadirin di-istiadat tersebut ia-lah bekas Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Dato Sir Dennis White dan Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Dato Doktor P. I. Franks.

keputusan2 yang berupa membena masharakat dan dapat memberikan ilham dalam usaha memajukan pendidekan dan pengajaran kepada murid2 dalam negeri ini.

Y.T.M. Duli Pengiran Pemancha juga berdo'a sa-moga Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan maju sa-tiap masa dalam berbagai2 lapangan.

Turut memberikan ucapan di-majlis pembukaan rasmi Mashuarat Agong P.G.G.M.B. tersebut ia-lah Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, Menteri Besar Brunei, yang telah berucap sa-bagai Penasehat P.G.G.M.B.; Menteri Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Yang Dipertua Agong P.G.G.M.B. Awang Shahbudin bin Saleh.

Sa-bagai tanda kenangan pembukaan rasmi Mashuarat Agong P.G.G.M.B. pada tahun ini, persekutuan itu telah menghadihkan sa-buah chenderamata kepada Duli Pengiran Pemancha.

Majlis tersebut telah di-akhiri dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Awang Haji Md. Yassin bin Haji Metassim.

Mashuarat Agong P.G.G.M.B. telah di-adakan di-Dewan tersebut sa-lepas jamuan ringan dan tamat pada kira2 jam 8 malam.

Kira2 satu jam kemudian, ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah mempersembahkan temasha Aneka Ria di-Dewan P.G.G.M.B. sa-bagai menyambut Mashuarat Agong P.G.G.M.B. pada tahun ini, dengan memperoleh sambutan dari para penonton.

Berbagai2 acara telah di-persembahkan di-temasha tersebut. Di-antara-nya ia-lah tarian2 yang berchorak kebudayaan Melayu, nya-



Y.T.M. SERI PADUKA DULI
PENGIRAN PEMANCHA

nyian2, peraduan berbalas pantun, peraduan dugaan akal dan lain2-nya.

Pancharagam Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-bawah pimpinan Awang Mohamed Sum bin Hashim telah bermain di-temasha tersebut.

JABATAN UGAMA AKAN MEMBENA 2 BUAH LAGI BANGUNAN BARU

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei akan membangunkan dua buah lagi bangunan Pejabat Ugama dalam tahun ini.

Sa-buah bangunan akan di-bena di-Pekan Tutong dan sa-buah lagi bangunan akan di-bena di-Pekan Bangar, Temburong.

Menurut penerangan sa-orang Juruchapak Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, tujuan membangunkan dua buah lagi bangunan Jabatan Ugama itu ia-lah untuk memberi kemudahan bagi mengadakan pembicharaan dan lain2-nya.

Kerap kali, kata beliau, pembicharaan Mahkamah Sharaiah di-adakan di-Bilek Mahkamah Kerajaan di-Pekan Tutong dan juga di-Pekan Bangar.

Oleh kerana kadang2 tarikh pembicharaan kedua2 mahkamah itu sama, maka pembicharaan Mahkamah Sharaiah terpaksa di-tangguhkan ka-tarikh yang lain pula.

JEMA'AH2 HAJI DARI BRUNEI TIBA DI-JEDDAH DENGAN SELAMAT-NYA

BANDAR BRUNEI. — Semua orang jema'ah2 Haji dari negeri ini yang telah belayar ka-Jeddah dengan kapal "Anshun" dalam perjalanan ka-Mekah dan ka-Madinah untuk menunaikan fardhu Haji pada tahun ini, telah tiba di-Jeddah baru2 ini dengan selamat-nya. Demikian kata sa-orang Juruchapak, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kerajaan Brunei Akan Menderma \$20,000 Kapada Masjid Besar Di-Kuching

BANDAR BRUNEI. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah mengirimkan kawat baru2 ini kepada Pengerusi Masjid Besar Kuching, Sarawak, Dato Abang Hj. Marzuki menyatakan bahawa Kerajaan Brunei sukachita akan mendermakan wang sa-banyak \$20,000 kapada tabong pembenaan Masjid Besar di-Kuching.

Dalam kawat itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menegaskan bahawa Kerajaan dan ra'ayat Brunei berharap supaya Masjid tersebut akan menjadi pusat penyiaran Ugama Islam.

Beliau berharap sa-moga dengan ada-nya derma tersebut, perhubungan ra'ayat kedua2 buah negara, ia-itu Brunei dan Sarawak, yang sudah sedia erat itu, akan bertambah2 kukoh dan berkekalan selama2-nya.

KEPUTUSAN PEPEREKSaan KELAS DEWASA PELAJARAN RENDAH 1965

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Kelas2 Dewasa Pelajaran Rendah telah di-adakan di-beberapa tempat di-negeri ini pada 10 Disember, 1965.

Keputusan peperiksaan tersebut bagi Bahagian Brunei Satu telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 16 Februari, 1966, dan keputusan selanjutnya ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN BRUNEI II

I. Sekolah Melayu Sengkurong

1. Dy. Sa'adiah bte. Hasan, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Dy. Nadah bte. Dagang, Lulus Tingkatan Permulaan; 3. Dy. Norsaidi bte. Simat, Lulus Tingkatan Permulaan; 4. Tan Sew Kee, Lulus Tingkatan Permulaan; 5. Dy. Saifah bte. Sambas, Lulus Tingkatan Permulaan.

II. Sekolah Melayu Gadong

1. Dy. Raya bte. Kamis, Lulus Tingkatan Menengah.

III. Sekolah Melayu Gadong

1. Dy. Norsalam bte. Akim, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Dy. Jariah bte. Bakar, Lulus Tingkatan Menengah; 3. Dy. Mega bte. Yunus, Lulus Tingkatan Menengah; 4. Dy. Zainab bte. Tudin, Lulus Tingkatan Menengah.

IV. Sekolah Melayu Sungai Hanching

1. Dy. Meriam bte. Hasan, Lulus Tingkatan Menengah.

V. Sekolah Melayu OKBI Subok

1. Dy. Rendah bte. Ibrahim, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Dy. Jamaliah bte. Ahmad, Lulus Tingkatan Menengah.

VI. Sekolah Melayu Tanah Jambu

1. Timbang bin Md. Yusuf, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Zabidah bin Bangkul, Lulus Tingkatan Menengah; 3. Siriun bte. Sabtu, Lulus Tingkatan Menengah; 4. Damit bte. Yusof, Lulus Tingkatan Menengah; 5. Tinun bte. Yusof, Lulus Tingkatan Menengah; 6. Murah bte. Ajak, Lulus Tingkatan Menengah; 7. Murah bte. Untong, Lulus Tingkatan Menengah; 8. Sari bte. Hashim, Lulus Tingkatan Permulaan; 9. Arpah bte. Basir, Lulus Tingkatan Permulaan; 10. Sariah bte. Kalong, Lulus Tingkatan Permulaan.

VII. Sekolah Melayu Mentiri

1. Sudin bin Amor, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Abdullah bin Adi, Lulus Tingkatan Menengah; 3. Logan bin Misir, Lulus Tingkatan Menengah; 4. Lamat bin Simbin, Lulus Tingkatan Menengah.

VIII. Sekolah Melayu Jerudong

1. Karim bin Jamal, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Buyong bin Lani, Lulus Tingkatan Menengah; 3. Suboh bte. Pudin, Lulus Tingkatan Menengah.

IX. Sekolah Melayu Bengkurong

1. Abd. Gafar bin Ghani, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Md. Yusof bin Ludin, Lulus Tingkatan Menengah; 3. Hj. Sulaiman bin Osman, Lulus Tingkatan Menengah; 4. Nayan bin Jumat, Lulus Tingkatan Menengah; 5. Kampong bin Gafar, Lulus Tingkatan Menengah; 6. Jumat bin Hj. Nayan, Lulus Tingkatan Menengah; 7. Ismail bin Akim, Lulus Tingkatan Menengah.

X. Sekolah Melayu Amar Pahlawan B. Pingai Berakas

1. Dy. Sani bte. Awg. Minah, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Dy. Salmah bte. Md. Yassin, Lulus Tingkatan Menengah; 3. Dy. Arbiah bte. Kh. Imran, Lulus Tingkatan Menengah; 4. Dy. Hasnah bte. Abd. Hai, Lulus Tingkatan Menengah; 5. Dy. Rubiah bte. Abd. Hai, Lulus Tingkatan Menengah; 6. Dy. Rahmah bte. A. Md. Yusof, Lulus Tingkatan Permulaan.

XI. Sekolah Melayu OKBI Subok

1. Dy. Aisah bte. Bagol, Lulus Tingkatan Permulaan; 2. Dy. Aminah bte. Tadis, Lulus Tingkatan Permulaan; 3. Dy. Fatimah bte. Tujoh, Lulus Tingkatan Permulaan; 4. Dy. Noriah bte. Jerudin, Lulus Tingkatan Permulaan.

XII. Balai Kampong Mata2 Brunei

1. Asmat bin Pangis, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Jaafar bin Serudin, Lulus Tingkatan Menengah; 3. Kahar bin Kamis, Lulus Tingkatan Menengah; 4. Salleh bin Dollah, Lulus Tingkatan Menengah; 5. Jamal bin Pakar, Lulus Tingkatan Permulaan.

XIII. Penjara Jerudong

1. Awg. Sabtu bin Bungsu, Lulus Tingkatan Permulaan; 2. Awg. Wahab bin Taha, Lulus Tingkatan Permulaan; 3. Pgn. Abd. Rahman bin Pgn. Tajuddin, Lulus Tingkatan Permulaan; 4. Ak. Mohammad bin Pgn. Momin, Lulus Tingkatan Permulaan; 5. Ak. Ismail bin Pgn. Ahmad, Lulus Tingkatan Permulaan; 6. Awg. Zaidin bin Jambul, Lulus Tingkatan Permulaan; 7. Awg. Tong Fatt Yong, Lulus Tingkatan Permulaan; 8. Tee Kim Lee, Lulus Tingkatan Permulaan; 9. Awg. Asmat bin Aroad, Lulus Tingkatan Permulaan; 10. Awg. Radin anak Majang, Lulus Tingkatan Permulaan; 11. Awg. Majid bin Awg. Yaakub, Lulus Tingkatan Permulaan; 12. Awg. Azahari bin Sulaiman, Lulus Tingkatan Permulaan; 13. Awg. Niklas bin Linggang, Lulus Tingkatan Permulaan; 14. Awg. Bunut bin Ja'afar, Lulus Tingkatan Permulaan; 15. Ak. Samsudin bin Pg. Hj. Bakar, Lulus Tingkatan Permulaan.

XIV. Sekolah Melayu Serasa

1. Dy. Aisah bte. Hj. Besar, Lulus Tingkatan Permulaan; 2. Dy. Armah bte. Montil, Lulus Tingkatan Permulaan; 3. Dy. Minah bte. Mudin, Lulus Tingkatan Permulaan; 4. Dy. Masni bte. Dollah, Lulus Tingkatan Permulaan; 5. Dy. Norsah bte. Hj. Mina, Lulus Tingkatan Permulaan; 6. Dy. Nilam bte. Bagol, Lulus Tingkatan Permulaan.

XV. Sekolah Melayu Serasa

1. Dy. Halimah bte. Hj. Mina, Lulus Tingkatan Permulaan; 2. Dy. Mariam bte. Ahad, Lulus Tingkatan Permulaan; 3. Dy. Halimah bte. Maderus, Lulus Tingkatan Permulaan; 4. Dy. Salmiah bte. Abdullah, Lulus Tingkatan Permulaan; 5. Dy. Fatimah bte. Ibrahim, Lulus Tingkatan Permulaan; 6. Dy. Salmah bte. Ismail, Lulus Tingkatan Permulaan.

XVI. Khemah Tahanan Berakas

1. Suhaili bin Badas, Lulus Tingkatan Permulaan; 2. Aji bin Jarut, Lulus Tingkatan Permulaan; 3. Isa bin Lamat, Lulus Tingkatan Permulaan; 4. Abdullah bin Othman, Lulus Tingkatan Permulaan; 5. Awg. Swee Chuan, Lulus Tingkatan Permulaan.

XVII. Khemah Tahanan Berakas

1. Teko anak Ria, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Bujang bin Taim, Lulus Tingkatan Menengah; 3. Ibrahim bin Othman, Lulus Tingkatan Menengah; 4. Majid bin Tuah, Lulus Tingkatan Menengah; 5. Yahya bin Metah, Lulus Tingkatan Menengah; 6. Sirat bin Tahir, Lulus Tingkatan Menengah; 7. Ho Ho Kim, Lulus Tingkatan Menengah; 8. Azahari bin Jais, Lulus Tingkatan Menengah; 9. Ali bin Ahmad, Lulus Tingkatan Menengah; 10. Kasim bin Sulaiman, Lulus Tingkatan Menengah.

XVIII. Sekolah Melayu Kafi Mahar

1. Adi bin Kahar, Lulus Tingkatan Menengah; 2. Abd. Samad bin Sabtu, Lulus Tingkatan Menengah; 3. Muham-

mad bin Ibrahim, Lulus Tingkatan Menengah; 4. Pakar bin Ismail, Lulus Tingkatan Menengah; 5. Ahad bin Lenggat, Lulus Tingkatan Menengah; 6. Maidin bin Meramit, Lulus Tingkatan Menengah; 7. Kula bin Mangol, Lulus Tingkatan Menengah.

XIX. Sekolah Melayu SUAS Muara

1. Dy. Aisah bte. Bagol, Lulus Tingkatan Permulaan; 2. Dy. Meriam bte. Lai, Lulus Tingkatan Permulaan; 3. Awg. Puteh bin Ibrahim, Lulus Tingkatan Permulaan.

XX. Sekolah Melayu Lambak

1. Dy. Lauyah bte. Awg. Sunggoh, Lulus Tingkatan Permulaan.

XXI. Sekolah Melayu Kiarong

1. Awg. Saat bin Hj. Othman, Lulus Tingkatan Permulaan; 2. D. R. H. Md. Ja'afar bin Jamaluddin, Lulus Tingkatan Permulaan; 3. Karim bin Hj. Sabtu, Lulus Tingkatan Permulaan; 4. Lamat bin Ahmad, Lulus Tingkatan Permulaan; 5. Rabaha bin Ahmad, Lulus Tingkatan Permulaan; 6. Tasim bin Busman, Lulus Tingkatan Permulaan.

XXII. Sekolah Melayu Kilanas

1. Jabiah bte. Hj. Mangol, Lulus Tingkatan Permulaan; 2. Halijah bte. Puasa, Lulus Tingkatan Permulaan; 3. Hatipah bte. Nudin, Lulus Tingkatan Permulaan; 4. Champing bte. Kahar, Lulus Tingkatan Permulaan.

XXIII. Sekolah Melayu Kilanas

1. Rashid bin Jaludin, Lulus Tingkatan Permulaan; 2. Arif bin Hj. Salleh, Lulus Tingkatan Permulaan; 3. Bungsu bin Ahmad, Lulus Tingkatan Permulaan; 4. Jumat bin Husein, Lulus Tingkatan Permulaan; 5. Md. Zin bin Hj. Damit, Lulus Tingkatan Permulaan; 6. Bakal bin Ghafar, Lulus Tingkatan Permulaan; 7. Saban bin Sidup, Lulus Tingkatan Permulaan.

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 23 Februari hingga ka-hari Selasa 1 Mach, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
23	23	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
24	24	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
25	25	12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
26	26	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
27	27	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
28	28	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
1	1	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap² waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

KURSUS PENGAJARAN BAHASA

(Sambongan)

PERKATAAN2 seperti kimia, atom, radio active, angkasa luar, penerbangan orbit dan sa-bagai-nya, hanya dapat difahami oleh orang yang ada kechenderongan dan menguasai perkara itu dengan ilmu pengetahuan-nya. Himpunan kata yang di-miliki sa-saorang tergantung-lah kapada beberapa faktor yang kompleks; umpama-nya kebiasaan di-gunakan, penggunaan yang di-fahami, himpunan kata yang sengkaja di-pelajar kerana hubungan kehidupan sa-saorang sa-hari2.

Sa-makin besar perkara yang di-buat sa-saorang sa-makin banyak pula-lah himpunan kata yang mesti di-gunakan oleh sa-saorang itu. Dalam suatu penyiasatan, umpama-nya William Shakesphere menggunakan 16,000 perkataan yang berlainan dalam siri2 kesusasteraan-nya, bahkan ada pula yang mengatakan bahawa Shakesphere menggunakan di-antara 20,000 — 25,000 perkataan2 yang berlainan dalam kira2 sastera-nya.

Victor Hugu menggunakan kira2 20,000 perkataan dalam tulisan-nya, suatu penerbitan akhbar di-katakan menggunakan kira2 3,800 perkataan yang berlainan dalam sa-tiap penerbitan-nya; ia-itu sa-buah akhbar yang berbahasa Peranchis.

Namun jangan lupa pula bahawa menurut tata bahasa bagi satu2 bahasa memang jauh kadang2 berlainan dengan bahasa lain, dan tidak pula menghairankan sangat jika Shakesphere menggunakan 20,000 patah perkataan yang berlainan dalam tulisan2-nya, namun jika kita perhatikan ka'edah yang terdapat dalam bahasa Inggeris yang di-gunakan oleh Shakesphere tadi.

Sa-tiap patah perkataan dalam bahasa Inggeris mungkin berubah sebutan-nya, terutama kata-nama di-tukar dari bilangan tunggal kapada bilangan banyak; demikian pula kata kerja dalam bahasa itu, jika di-perkatakan mengikut masa berlaku perbuatan itu.

Bergantung kapada kemajuan sa-suatu bangsa, satu2 bahasa akan bertambah dan berkembang himpunan kata-nya dari suatu bahasa yang kurang kemajuan bangsa - nya. Memang menjadi suatu tradisi bahasa, bahawa sa-tiap bahasa yang sanggup memberi dan menerima akan merupakan suatu bahasa yang kembang dan makin banyak himpunan kata-nya.

Tetapi harus di-ingat bahawa dalam bahasa2 yang maju dan berkembang itu tidak-lah

merupakan suatu bahasa yang asli menurun dari bahasa asalnya. Suatu bahasa yang datang dari puak primitif mungkin ada perkataan-nya yang tidak ada dapat di-bandingkan dalam pengertian bahasa dari suatu bangsa yang moden; hal inilah apa yang di-katakan tadi, bahawa perkataan2 itu terjadi dari keadaan yang timbul disekitar kehidupan sa - suatu bangsa.

Mithal-nya susah-lah untuk menerjemahkan perkataan2 teknik yang tidak ada hubungan-nya dengan kehidupan masyarakat kita yang asli, mithal-nya chuba-lah chari suatu

ngechualikan kepilatan2 daerah yang tidak dapat di-ketahui berapa jumlah-nya yang sa-benar. Jika sekira-nya di-bahagi sama banyak jenis bahasa dengan jumlah penduduk dunia, ada-lah berarti bahawa sa-tiap bahasa mempunyai lebeh kurang sa-juta orang yang menuturkan atau menggunakan-nya. Tetapi sa-benar-nya tidak-lah demikian, kerana ada suatu bahasa yang maju di-gunakan oleh bilangan manusia yang ramai daripada bahasa2 yang lain, sedangkan ada bahasa yang kurang di-gunakan, barangkali oleh chuma sa-bilangan kechil yang terba-

oleh Ibrahim Mohd. Said

terjemahan yang tepat dari perkataan2, Radio, Television, Radar, Telephone dan sa-bagai-nya; meskipun ada usaha2 yang chuba memberikan istilah perkataan 'Tetuang Udara' kapada perkataan 'Radio', namun nampak-nya perkataan itu hilang begitu sahaja, dan perkataan 'Radio' terus di-gunakan dan di-fahami oleh semua orang.

BAHASA2 KELASIK

Himpunan kata dalam bahasa2 klasik yang menjadi dasar bahasa moden selalu memberikan inspirasi pula dalam pembangunan kata2 teknik. Suatu penyiasatan pada rumpun bahasa Indo-Eropah klasik memberikan perangkawan kasar kapada jumlah2 perkataan Sanskrit sa-banyak 120,000 perkataan, Yunani 100,000 dan Latin lebeh dari 80,00. Maseh banyak pula himpunan kata2 dari bahasa klasik yang hilang di-sebabkan tidak adanya chatatan tertulis.

"Orang yang tidak mengetahui bahasa asing tidak-lah mengetahui apa2 bahasa ibu-nya."

Penduduk dunia dewasa ini di-anggarkan berjumlah lebeh dari dua sa-tengah belian atau lebeh dari 2,500 juta manusia. Mereka menghuni dunia di-merata2 pelusok muka bumi, masing2 dengan chara hidup, keadaan, adat resam, keperchayaan, situasi politik, kebangsaan maupun agama yang berlainan antara satu dengan lain. Demikian pula hal-nya dengan bahasa dunia yang berbedza2 menurut keadaan bangsa pula.

Menurut penyiasatan serjana2 bahasa, bahawa penduduk2 dunia ini menuturkan sa-jumlah 2,796 jenis bahasa yang berbedza2; ia-itu dengan me-

tas di-kalangan satu bangsa yang kechil pula jumlah-nya.

Memandang kapada kemajuan yang di-chapai oleh bahasa Inggeris dalam pergolakan antara bangsa, maka bahasa Inggeris-lah yang paling banyak di-gunakan oleh orang dewasa ini, ia-itu sa-lain dari di-gunakan sa-bagai bahasa asal 80 juta penduduk di-Britain dan barangkali lebeh dari 160 juta di-Amerika Sharikat, demikian pula di-Canada, dan Australia yang merupakan daerah2 turunan Inggeris.

Sa-lain dari itu berturut2-lah bahasa2 seperti Russia, yang barangkali terbatas pada lingkungan negara Russia sendiri, demikian pula bahasa Tionghua yang di-gunakan oleh bangsa Tionghua sahaja, sedangkan Negara Tionghok mempunyai jumlah penduduk yang paling ramai di-dunia, yang dewasa ini menchapai hampir2 600 juta jiwa; sedang jangan pula di-lupakan, bahawa bahasa Tionghua sendiri mempunyai berpuluh kepilatan daerah yang berlainan. Memandang kapada keadaan ini, memang ada - lah b a h a s a yang di-gunakan oleh jumlah orang yang sedikit sahaja.

Mithal-nya di-antara 2,796 bahasa dunia yang berbedza2 itu 12,000 daripada-nya adalah bahasa2 Indian-Amerika yang bilangan-nya chuma beberapa ribu sahaja yang menuturkan sa-tiap jenis bahasa itu, malah ada yang chuma beberapa ratus orang sahaja menuturkan satu bahasa yang sama. Lebeh 500 jenis pula yang di-gunakan oleh orang2 Negro-Afrika, yang masing2 bilangan-nya terlalu sedikit. 500 jenis lagi di-pertuturkan

oleh penduduk2 di-sekitar lautan Pasipik, penduduk2 asli Australia, Tasmania dan Irian. Sa-lebeh-nya beratus2 pula di-gunakan oleh bahasa2 Asia, atau kumpulan2 bahasa Asia-tic yang kechil bilangan-nya.

Bahasa2 dunia yang di-gunakan oleh lebeh dari 50 juta orang ada-lah terdiri dari 13 jenis bahasa ia-itu bahasa2: Tionghua, Inggeris, Russia, Hindustani, Sepanyol, Melayu, German, Peranchis, Jepun, Portugis, Bengali, Arab dan Itali.

Namun demikian jangan lupa pula sa-bagai yang di-katakan dalam permulaan tadi, bahawa pemakaian bahasa2 ini ada pula mempunyai perenggan yang terhad atau terbatas daerah-nya. Bahasa Tionghua ampama-nya terbatas sa-bahagian besar daripadanya di-Tionghok dan Manchuria, Hindustani dan Bengali mempunyai pengarah yang terbatas pula di-India. Bahasa Jepun sa-bagai bahasa yang di-pertuturkan di-watas kepulauan Jepun. Bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar di-Seluruh Nusantara Melayu.

BAHASA YANG TERBATAS

Bahasa Russia sampai dewasa ini maseh merupakan suatu bahasa yang terbatas, namun di-pergiatkan penyibarannya di-negara2 satellite Russia di-Eropah Timor, kad daerah2 Mongolia, Manchuria dan di-negeri Tionghok sendiri.

Suatu bahasa yang tidak kurang penting-nya dan luas penyebarannya di-Asia ada-lah bahasa 'Arab, sa-bagai suatu bahasa yang mempunyai pengaruh besar dalam kebudayaan, keperchayaan dan pendidikan umat2 yang beragama Islam. Daerah pengaruh 'Arab ini di-mulai dari kawasan Laut Tengah (Mediterranean), sa-luas guru Sahara, negeri2 Utara Afrika, Mesir, Timor Tengah dan negeri2 lembah Mesopotamia. Dengan ini sa-chara tidak langsung dan sa-chara kasar dapat-lah di-taksir bahawa keramaian orang yang menggunakan bahasa 'Arab ada-lah lebeh dari 300,000,000 orang.

Bahasa2 yang mempunyai pengaruh dalam kedudukan antara-bangsa di-saat ini adalah lima bahasa; ia-itu bahasa2 yang sa-chara resmi di-gunakan dalam pertubohan bangsa2 atau Bangsa2 Bersatu. Bahasa2 itu ada-lah bahasa Inggeris, Peranchis, Sepanyol, Russia dan Tionghua.

(BERSAMBONG)

Gunakan-lah Bahasa Melayu Dalam Segala Lapangan



Yang Berhormat Pengiran
Damit bin Pengiran Sunggoh.



Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Ukong sedang menyaksikan penyemboran
rachun serangga jenis 'Dieldrex 15' untuk mengelakkan padi dari di-serang
musuh-nya.



Ahli2 Persatuan

ANGGAPAN bahawa perta-
nian ia-lah sa-bagai tulang
belakang bagi sa-sabuaah ne-
gara itu sering kita dengar sejak
tahun yang silam.

Anggapan ini menepati bagi Bru-
nei yang berharap kepada ne-
geri luar untuk mendapatkan be-
kalan beras yang di-perlukan oleh
penduduk2-nya.

Sekarang ini, Jabatan Pertanian
Brunei telah mengorak satu lang-
kah yang mungkin membawa ke-

san2 yang baik di-kalangan ra'ayat
negeri ini, terutama sa-kali masha-
rakat tani.

Langkah itu ia-lah dengan meng-
adakan kursus pertanian kepada
ahli2 persatuan2 peladang di-negeri
ini dan juga kepada orang2 yang
chenderong dalam lapangan perta-
nian dan ternakan.

Persatuan2 peladang tersebut di-
tubuhkan atas anjoran Jabatan Per-
tanian dan telah di-tubuhkan di-
beberapa buah kampung dalam

RANCHANGAN BESA

daerah2 Brunei/ Muara, Tutong
dan Temburong. Dalam sedikit
masa lagi persatuan serupa juga
akan di-tubuhkan di-kampung2 da-
lam Daerah Belait.

Mengadakan kursus kepada ahli2
persatuan peladang dan petani2
yang bukan ahli dalam persatuan
itu yang ingin menyertai-nya ada-
lah bertujuan untuk menambahkan
pengalaman dan meluaskan penge-
tahuan mereka dalam bidang meng-
usahakan pertanian dan ternakan.

Banyak lagi langkah2 yang akan
di-jalankan oleh jabatan Pertanian
yang memegang teraju utama da-
lam memberikan nafas dan tenaga
untuk menggerakkan negeri ini ka-
arah kemajuan dan kemakmoran
keluar dan ka-dalam.

Pada hari Sabtu yang lalu sa-
lepas waktu makan tengah hari
saya telah berpeluang bertemu ra-
mah dengan Penolong Menteri Per-
tanian, Yang Berhormat Pengiran
Damit bin Pengiran Sunggoh.

Dalam pertemuan itu saya tidak
banyak mengemukakan soalan, te-
tapi banyak mendengar penerangan
beliau tentang ranchangan2 Jabatan
Pertanian untuk tahun 1966 ini.

Yang menarik perhatian, antara
ranchangan2 itu ia-lah yang di-
gelar beliau sa-bagai Ranchangan
Rambai ia-itu satu ranchangan pe-
nanaman padi yang akan di-lan-
charkan sa-chara besar2an dan

tentu-nya pula memakan b
yang besar jumlah-nya.

Jika ranchangan ini berjaya
sar kemungkinan seluruh ne-
geri kita ini tidak lagi
harap2kan beras yang di-datar
dari luar.

Menurut beliau lagi bahaw
jelas-lah yang ranchangan itu
berjaya, maka penanaman pa-
sebut akan di-adakan dua k
tahun.

Untuk ranchangan ini, tanah
sa-luas lebih dari 500 ekar tel
perolehi dan tanah itu leta
antara Kampung Rambai
Ukong di-Ulu Tutong.

Sa-luas 400 ekar tanah lagi
di-perolehi untuk memestikan
changan ini. Tanah itu leta
di-Tampoi ia-itu sa-buah kan
yang letak-nya dalam daerah
tong juga.

Ranchangan ini akan di-mu
dalam tahun ini (1966) ia-
ngan pembenaan tali ayer
besar.

Tali ayer itu akan di-sal
dari Sungai Tampoi dan dar
nanti sawah2 padi yang aka
buka itu tidak mungkin keke
ayer walaupun kemarau panj

Oleh itu sa-orang pegawai
mahir tentang pembenaan tali
ini dengan sa-chepat mungkin
di-datangkan ka-negeri ini
melichinkan perjalanan ranch
itu nanti.



Dalam kursus itu mereka telah di-berikan sharahan bagaimana
chara yang baik untuk menternak binatang2 ternakan.




Dalam kursus itu mereka juga telah di-beri tahu chara yang baik bagi
menggunakan baja kepada pokok2 tanaman.



Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Ukong bergambar ran
Pegawai Pertanian Negara, Awang Hamidon bin Awa
(tengah bertali liher) di-Pusat Perchubaan Pertanian, K



Salah seorang peserta kursus pertanian sedang mendengarkan penjelasan dari Pengeran Pertanian.



Dalam gambar ini mereka sedang menyaksikan bagaimana cara menyimpan pokok chantuman yang di-pindah dari batas semayan ka-dalam bakul.

RANGKAIAN PERTANIAN

"yawa padi di-tali ayer," demikian kata kiasan pendek dari Pengeran Pertanian itu.

Menjawab satu soalan saya mengenai rancangan penanaman padi di laut yang sampai masa ini kita ikuti perkembangan-nya, Pengeran Pertanian itu menjawab:

"Rancangan ini akan dihidupkan sa-mula apabila pembinaan di-Sungai Tampoi itu siap na nanti."

Sehenti-nya rancangan itu akan menurut beliau, ia-lah akan kekurangan penyaluran sa-sawah padi tersebut.

Sebab itu-lah ia-nya terpaksa dihentikan untuk sementara ini, sementara menantikan ia tali ayer di-Sungai Tampoi," tegas Pengeran Pertanian.

Mengenai rancangan penanaman di-Rambai dan di-Tampoi itu, Pengeran Pertanian penuh percaya sa-rancangan itu tidak mungkin gagal dan pihak Jabatan Pertanian akan memusatkan perhatian sa-arah rancangan itu.

Demikian-lah hal-nya, maka kita untuk menimati hal-nya kita sendiri, terutama sa-padi, akan tetap cerah dan perbanga dengan rancangan besar itu.

Apapun tidak, sa-lama ini kita berharap pada beras yang akan datang dari luar negeri dan

sa-lama itu beratus2 juta ringgit, malah beribu2 juta ringgit yang kita terpaksa di-belanjakan sa-arah pembelian beras tersebut.

Satu lagi rancangan yang besar yang akan di-jalankan oleh Jabatan Pertanian ia-lah rancangan penanaman Kelapa Bali.

Kelapa Bali ada-lah satu jenis tanaman yang tidak kurang-nya mengambil peranan penting kepada hidup manusia sa-hari2, terutama sa-kali sa-bagai bahan makanan manusia.

Rancangan ini memakan belanja yang besar dan tanah yang sa-luas kira2 4000 ekar telah di-perolehi di-Daerah Tutong juga.

Dalam rancangan ini juga, sa-buah kilang pengolah untuk menjadikan minyak dari Kelapa Bali itu akan di-dirikan dalam kawasan penanaman-nya nanti.

Mengenai rancangan Menanam Sa-mula Getah yang kebanyakannya di-usahakan oleh orang2 Kampong, Pengeran Pertanian menyatakan bahawa rancangan itu akan di-sambong sa-mula pada tahun ini.

Beliau juga mengumumkan bahawa Jabatan Pertanian ada-lah sentiasa membuka peluang kepada ra'ayat negeri ini, terutama sa-kali kaum tani untuk memberikan bantuan2 yang tertentu baik di-bidang pertanian mahupun teranakan.

Satakat ini, kata-nya, orang ramai yang di-sifatkan-nya sa-bagai pena-

nam2 kecil telah di-beri bantuan ubat2 untuk menghapuskan musuh2 tanaman yang menyerang kebun2 mereka.

Bagitu juga dengan orang2 yang mengusahakan ternakan, seperti ayam dan sa-bagai-nya Jabatan Pertanian ada-lah sentiasa memberi peluang untuk menyelesaikan sa-barang kemuskilan mereka.

Pegawai2 Jabatan itu juga ber-

sedia memberi nasehat bagaimana mengusahakan pertanian dan ternakan supaya membuahkan hasil yang baik dan memuaskan.

Kita mengharapkan supaya rancangan2 Jabatan Pertanian itu akan menempoh kejayaan yang gilang gemilang demi untuk kesejahteraan kita bersama.

BERITA — AHMAD ARSHAD

GAMBAR2 — SHARBINI TAHA



Sa-jenis ikan Gurami jenis besar atau 'ikan kalui' yang di-pelihara di-Pusat Perchubaan Pertanian di-Kilanas.



Satu cara membiakkan pokok sa-lain dari biji ia-lah 'sandingan' atau 'enaching' seperti yang di-tunjokkan dalam gambar ini.



Dalam gambar ini, mereka sedang di-tunjokkan bagaimana cara memilih mata tunas untuk di-chantumkan dengan pokok yang lain.

TAWARAN DAN JAWATAN2 KOSONG

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Jurutera dalam Perjawatan Kejuruteraan Awam di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Chalon2 yang di-lantek akan bertanggung jawab merancang pembikinan dan menjaga jalan2 raya dan jambatan2, bangunan2, tali ayer dan kerja2 di-kawasan pembangunan, binaan, dan lain2 perkhidmatan Kejuruteraan Awam dan sebagai-nya yang di-bawah jagaan Jabatan Kerja Raya.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah lulus Bahagian2 I dan II pepereksaan 'Insti-

tution of Civil Engineers' atau mempunyai Ijazah Kejuruteraan atau diploma dari sa-buah Universiti atau Maktab yang di-akui yang membebaskan dari pepereksaan2 ini.

Setelah memperoleh kelayakan tersebut chalon2 mesti-lah berpengalaman selama tidak kurang dari dua tahun dalam bidang Kejuruteraan Awam, perancangan, pembentokan, dan pembangunan, dalam mana satu tahun dari-nya ia-lah pengalaman bekerja di-luar pejabat.

Umor tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan

berbahasa Melayu ada-lah satu keuntongan.

Gaji:

Dalam sukatan mata wang Malaysia \$1020 x 40-1620 x 50-1820 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan:

Sechra berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekira-nya kedua2 pehak bersetuju.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang ker-

ja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir lanjut mengenai chuti, tambang, dll., boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1966.

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran2 di-Jabatan Kewangan Negara, Brunei, di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei di-tingkat bawah, dari orang2 ramai sa-hingga jam 4.00 petang Hari Ithnin 14 Mach, 1966.

BAGI MEMBELI RUBOHAN2 (KAYU2 PERKAKAS) RUMAH2 YANG TELAH DI-KUSONGKAN OLEH ORANG2 PERPINDAHAN DI-KAMPONG AYER YANG TERSEBUT DI-BAWAH INI:—

1. Aw. Yahya bin Haji Lamit, Lurong Sikuna, keluasan-nya

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Guru Ugama Terlateh di-Jabatan Askar Melayu Di-Raja, Brunei.

(i) Umor di-antara 18 hingga 45 tahun.

(ii) Lulus Darjah Khas Ugama Johor atau pun sebanding dengan-nya.

(iii) Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam tingkatan gaji \$350-370-380x20-560 sa-bulan.

Sharat2 Lantekan:

Kontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Pegawai Pemerintah, Askar Melayu Di-Raja, Brunei, tidak lewat dari 24 Mach, 1966.

lebeh kurang 512 kaki persegi.

2. Aw. Ibrahim bin Abd. Rahman, Ujong Tanjong, keluasan-nya lebeh kurang 1,751½ kaki persegi.

3. Aw. Metali bin Mohammad, Ujong Bukit, keluasan-nya lebeh kurang 1,261 kaki persegi.

4. Aw. Kellaly bin Dullah, Bendahara Lama, keluasan-nya lebeh kurang 1,014 kaki persegi.

5. Aw. Kadir bin Lakim, Kerma Indera Lama, keluasan-nya lebeh kurang 798 kaki persegi.

6. Aw. Matyassin b. Ahmad, Kerma Indera Lama, keluasan-nya lebeh kurang 1,398½ kaki persegi.

7. Aw. Hj. Md. Daud bin Salleh, Lurong Dalam, keluasan-nya lebeh kurang 1,107 kaki persegi.

8. Aw. Abd. Latif bin Aw. Osman, Sumbiling, keluasan-nya lebeh kurang 1,264 kaki persegi.

9. Aw. Merali bin Duraman, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 1,969½ kaki persegi.

10. Aw. Bakar bin Othman, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 1,178 kaki persegi.

11. Aw. Hj. Ahmad bin Salleh, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 1,362 kaki persegi.

12. Aw. Ibrahim bin Hj. Duraman, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 1,444½ kaki persegi.

13. Pg. Besar bin Pg. Bungso, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 951½ kaki persegi.

14. Aw. Hj. Tengah bin Pudim, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 2,491 kaki persegi.

15. Aw. Metali bin Munap, Saba Darat, keluasan-nya lebeh kurang 1,144 kaki persegi.

Tawaran2 yang di-terima sudah waktu ini akan di-tolak.

Bentok rupa rumah dan keadaan-nya boleh-lah di-lihat sendiri oleh orang yang berkehendakan-nya, dan penerangan2 yang lain boleh di-dapati dari Jabatar Perpindahan di-bila2 masa waktu bekerja.

Tawaran2 itu mesti-lah di-nyatakan dengan terang-nya, ia-itu harga bagi membeli rubohan2 (kayu2 perkakas rumah) bekas rumah (nyatakan nama tuan rumah yang telah berpindah dan nama kampong-nya) termasuk upah merubuhkan-nya, dan meninggalkan kawasan itu dengan bersekh. Atau harga bagi membeli rubohan2 (kayu2 perkakas rumah sahaja) tidak meruboh-nya. Penawar2 yang berjaya akan

di-beri tahu dengan surat oleh Jabatan Perpindahan Kampong Ayer.

Penawar2 yang berjaya hendak-lah membayar harga-nya ka-Jabatan Perpindahan Kampong Ayer terdahulu dari meruboh atau mengambil kayu2 dari rubohan2 rumah itu.

TAWARAN2 MESTI-LAH DI-MASOKKAN KA-DALAM SAMPOL2 SURAT BIASA YANG BERTUTOP. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenai siapa nama si-penawar itu.

Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamat-kan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran2 di-Jabatan Kewangan Negara, Brunei, di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei di-tingkat bawah.

Penawaran2 hendak-lah di-nyatakan dengan terang-nya di-atas sampol surat dengan perkataan-nya:—

"TAWARAN MEMBELI RUBOHAN2 RUMAH2 ORANG PERPINDAHAN"

Tawaran2 yang di-terima dalam sampol surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

Tawaran2 hendak-lah di-tulis dengan da'awat atau di-taip dengan terang-nya.

Nama dan alamat penawar hendak-lah di-tulis dengan huruf besar atau di-taip.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Pendaftaran Kad2 Pengenalan

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran Kad2 Pengenalan untuk orang2 yang tinggal di-Negeri Brunei akan berakhir pada 28 Februari, 1966 — ia-itu setahun sa-lepas pendaftaran Kad2 Pengenalan itu di-mulai.

Mulai dari 1 Mach, 1966, penduduk2 negeri ini yang tidak dapat menunjokkan Kad2 Pengenalan mereka apabila di-kehendaki oleh pehak2 yang berkenaan akan di-dapati salah dan boleh di-hukum.

Oleh itu, penduduk2 negeri

ini yang belum lagi mempunyai Kad2 Pengenalan, ada-lah di-nasehatkan supaya mendaftarkan nama2 mereka dan sabagai-nya di-Pejabat Pendaftaran, Jalan Kianggeh, Bandar Brunei sa-belum 28 Februari, 1966.

Selain dari Pejabat Pendaftaran di-Bandar Brunei, Kad2 Pengenalan itu boleh juga di-perolehi dari Chawangan2 Pejabat Pendaftaran di-Kuala Belait, Seria, Tutong dan Temburong.

PEGAWAI2 KASTAM

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Pegawai Kastam di-Pejabat Kastam, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus Form III atau yang bersamaan di-Sekolah Inggeris. Chalon2 mesti-lah sanggup memakai pakaian seragam dan bersedia untuk di-tempatkan di-sebarang daerah di-negeri ini dan bekerja bergilir2.

Umor di-antara 18 dan 28 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan \$210x10-270x15 - 315/EXAM/330x15 - 360x20 - 420/BAR/440x20 - 560/BAR/580x20 - 620.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Februari, 1966.

JAWATAN2 KOSONG DAN TAWARAN

PERMOHONAN ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pengelola Perkembangan Bahasa di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) (i) Mempunyai kelulusan Sekolah Menengah Tinggi dan termasuk bahasa Melayu atau kelulusan yang sebanding dengan-nya; dan
- (ii) Mempunyai Diploma yang di-akui oleh Kerajaan dalam sesuatu perkara yang mengenai bahasa; atau
- (iii) Mempunyai pengetahuan bahasa yang sebanding dengan-nya; atau
- (b) (i) Mempunyai pengalaman dalam hal perkembangan bahasa sekurang2nya selama lima tahun; dan
- (ii) Mempunyai sesuatu Diploma yang di-akui oleh Kerajaan yang berkaitan dengan perkembangan bahasa.

Bagi orang yang tidak mempunyai kelayakan yang disebutkan di-atas akan dipertimbangkan juga, jika di-dapati persesuaian kelayakan-nya itu dengan pekerjaan yang hendak dijalankan.

Gaji:

Dalam tangga gaji C.3-4 \$930x30-1200 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari calon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak untuk di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sebagai Penyiasat Hal Ehwal Agama di-Pejabat Hal Ehwal Agama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (i) Umor di-antara 18 tahun hingga 35 tahun.
- (ii) Mesti-lah lulus sekurang2nya darjah V Sekolah Melayu.
- (iii) Hendak-lah mengetahui ilmu dan rukun2 hal ehwal Agama Islam.
- (iv) Satu pepereksaan mengenai pengetahuan hal ehwal agama Islam akan di-adakan.
- (v) Pegawai2 yang berpengalaman dalam bidang ini ada-lah di-utamakan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$280x10-330.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan di-kembalikan kepada Penguatua Pegawai Hal Ehwal Agama, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1966.

Sharat2 Lantikan:

Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuk-lah 6 bulan masa percubaan. Chalon yang terdiri dari ra'ayat Sultan atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap selepas satu tempoh percubaan.

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei, sehingga jam 4.00 petang pada hari Ithnin 14 Mach, 1966, untuk:-

Mengadakan 30 Rik (Bicycle Racks) Tempat Menyimpan Basikal yang diperbuat daripada besi sesuai menempatkan 12 buah basikal dengan perlengkapan tiang2 dan atap zinc. Jarak di-antara tempat2 Rik yang di-letak-kan tiap2 sa-buah basikal itu ia-lah 12 inchi dan sukatan2-nya ada-lah berikut:

Sukatan Tinggi di-bahagian depan — 64".

Baksis:

Chalon yang di-lantik se-chara berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Per-

Sukatan Tinggi di-bahagian belakang — 57".
Buka-nya — 68".
Buka atap dari hujung kahujung atap — 72".

Hendak-lah di-sebutkan berapa lama Tempat Menyimpan Basikal itu boleh di-adakan.

Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

Butir2 kenyataan boleh dilihat di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa waktu bekerja.

Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

Kerja yang di-tawarkan mesti-

jawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mach, 1966.

lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya "**MENGADAKAN 30 BUAH RIK (RACKS) TEMPAT MENYIMPAN BASIKAL UNTUK LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT**" di-tulis.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak bagi di-daftarkan sedemikian untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Askar Melayu Di-Raja, Brunei:-

(1) **IMAM:** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun, tahu menulis dan membaca dan mengetahui tugas2 berkaitan dengan jawatan yang di-minta.

Pepereksaan bertulis akan di-adakan dalam perkara2 yang berikut:-

Ibadat, Munakahat, Jinayat dan Tauhid.
Satu temu-duga dalam perkara2 yang berikut akan juga di-adakan:-
Bachaa Al-Quraan, Bachaan dalam sembahyang dan Khutbah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$240x10-340. \$350x10-400. \$410x10-480.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

(2) **PENGAWAS MASJID:** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Berumur di-antara 20 tahun dan 40 tahun, tahu menulis dan membaca dalam bahasa Melayu dan mengetahui serba sedikit pengetahuan Agama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$290x20-350. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pegawai Pemerintah, Askar Melayu Di-Raja, Brunei, tidak lewat dari 11 Mach, 1966.

Majlis2 Sambutan Hari Ulang Tahun Yang Ke-61 Kelab Rotary Antara Bangsa

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Kelab Rotary Antara Bangsa di-Bandar Brunei akan menyambut Hari Ulang Tahun yang ke-61 penubuhan Kelab Rotary Antara Bangsa yang pertama sekali, dalam minggu ini.

Dalam masa beberapa hari lagi, lebih daripada 581,500 orang yang menjadi anggota dalam kira2 12,000 Kelab2 Rotary Antara Bangsa dari 131 negeri akan menyambut hari tersebut.

Kelab Rotary yang pertama sekali telah di-tubuhkan di-Chicago, Amerika Sharikat, pada 23 Februari, 1905, sesudah di-adakan pertemuan antara empat orang pakar2 perniagaan untuk mengurangkan kesunyian dalam penghidupan mereka dan juga untuk mengkaji kepercayaan penajanya bahawa "perhubungan perdagangan akan dapat menghubungkan peraduan persahabatan".

Semenjak masa itu, Rotary telah dapat memberikan perkhidmatan bagi memperbaiki keadaan pekerjaan dalam berbagai2 jurusan, termasuklah perkhidmatan2 belia, menolong orang2 yang chachat dan sebagai-nya, meninggikan taraf hidup dalam kalangan perniagaan serta juga bagi

menghubungkan perpaduan yang baik antara segala lapisan masyarakat.

Kelab Rotary Antara Bangsa di-Bandar Brunei yang baru berusia kira2 "sa-tahun jagong", sebagaimana Kelab2 Rotary Antara Bangsa di-lain2 negeri, tidak-lah ketinggalan menjalankan perkhidmatan-nya untuk masyarakat di-negeri ini.

Di-antara usaha2 yang telah di-jalankan baru2 ini oleh Kelab Rotary Antara Bangsa di-Bandar Brunei ia-lah mengadakan Majlis2 Hari Raya Puasa, Tahun Baru China dan Hari Raya Krismas untuk kanak2 yang sakit dari segala bangsa di-Rumah Sakit Besar Brunei.

Usaha tersebut telah di-seenggarakan oleh Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masyarakat, Kelab Rotary Antara Bangsa di-Bandar Brunei yang di-pengerusikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Jawatan Kuasa lain2 bahagian Kelab Rotary Antara Bangsa di-Bandar Brunei tidak-lah ketinggalan menjalankan perkhidmatan2 mereka sebagaimana yang di-jalankan oleh Jawatan Kuasa Perkhidmatan Masyarakat K.R.A.B. di-Bandar Brunei. — MZA.

50 ORANG MURID2 DI-PILEH UNTUK BELAJAR DI-SEKOLAH MENENGAH

ARAB

HASSANAL BOLKIAH

BANDAR BRUNEI.—Sera-
mai 50 orang murid2 dari Se-
kolah2 Ugama di-seluruh Negeri
Brunei telah di-pileh un-
tok belajar di-Sekolah Mene-
ngah Arab Hassanal Bolkiah.

Oleh kerana pembenaan Se-
kolah Menengah Arab Hassa-
nal Bolkiah itu belum lagi
siap, maka murid2 itu akan
belajar buat sementara di-ban-
gunan Madrasah di-Bandar
Brunei, ia-itu berhadapan Mas-
jid Omar Ali Saifuddin, mulai
pada hari Thalatha 1 Mach,
1966.

Bangunan Sekolah Mene-
ngah Arab Hassanal Bolkiah,
di-jangka siap pada penghu-
jong bulan Ogos tahun ini. De-
mikian menurut sa-orang Juru-
chakap Jabatan Hal Ehwal
Ugama Brunei.

Murid2 yang telah di-pileh

Mashuarat J. K.

Persatuan Pengakap

BANDAR BRUNEI.—Mashuarat
Jawatan Kuasa Persatuan Pengakap
Daerah Brunei akan di-adakan
pada jam 5 petang hari Khamis 24
Februari, 1966, di-Dewan Sekolah
Melayu Raja Isteri Fatimah, Ban-
dar Brunei.

Di-antara achara2 yang akan di-
rundingkan dalam mashuarat ter-
sebut ia-lah mengenai Perkhemahan
Pengakap Daerah Brunei pada ta-
hun ini dan laporan oleh R.S.L.
Awang Mohamed Salleh Ibrahim
mengenai Jamboree Pengakap Sa-
Asia yang telah di-adakan di-Bang-
kok, Thailand, dalam bulan Disem-
ber yang lalu.

Perlumbaan Basikal Anjoran P.G.G.M.B.

BANDAR BRUNEI.—Perlumba-
an Basikal anjoran Persekutuan
Guru2 Melayu Brunei sa-bagai
mengambil sempena memperingati
Hari Ulang Tahun Perayaan Pem-
bukaan Bangunan Persekutuan
Guru2 Melayu Brunei dan sambutan
Mashuarat Agong P.G.G.M.B.
Kali Yang ka-18, akan di-adakan
pada pagi hari Juma'at 25 Februari,
1966.

Perlumbaan Basikal tersebut di-
jalankan chara pantai bersa-orang-
an mulai dari Pekan Muara pada
jam 8.30 pagi hari tersebut hingga
ka-Jalan Kianggeh, Bandar Brunei.
ia-itu berhadapan Bangunan P.G.
G.M.B. sa-jauh 16 batu.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh
Pesuruh Jaya Pulis Diraja Brunei,
Dato Setia Awang A.W.J. Slater.

Jawatan2 Kosong Dalam Jabatan Siaran Radio Dan Penerangan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pela-
wa untuk memenohi jawatan2 ko-
song yang berikut dalam Jabatan
Siaran Radio dan Penerangan,
Brunei:-

(a) PEMBANTU TEKNIK TINGKAT II (5 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Sijil Persekolahan
Seberang Laut atau kelayakan
yang sebanding dengan-nya dan
City and Guilds of London In-
stitute's Intermediate Telecom-
munications Technician Certifi-
cate atau kelayakan yang se-
banding dengan-nya.

Mempunyai pengalaman dalam
bidang penyiaran selama sekur-
ang2-nya tiga tahun.

Gaji:

Dalam sukatan \$660x30-900 sa-
bulan. Gaji permulaan bergan-
tong pada kelayakan dan penga-
laman.

(b) PEMBANTU TEKNIK TINGKAT III (7 jawatan ko-

song)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Lulus Form III atau Brunei
Junior atau kelayakan yang se-
banding dengan-nya dengan
mendapat kepujian (credit) da-
lam Ilmu Sains dan Ilmu Hisab.
Mereka yang mempunyai Sijil
City and Guilds dalam perkara2
berkaitan dengan Radio akan
mendapat kelebihan.

PERMOHONAN2 ada-lah di-jem-
put dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan
atau mereka yang berhak di-dafta-
kan sedemikian untuk memenohi
jawatan kosong sebagai Pembacha
Rang ("Proof Reader") di-Jabatan
Siaran Radio dan Penerangan, Bru-
nei.

Kelayakan2:

Lulus darjah V Melayu dan
Form III Inggeris.

Laman bin Hj. Anit dari Seko-
lah Ugama Pengkalan Batu; 24.
Md. Salleh bin Haji Damit dari
Sekolah Ugama Pengkalan Batu;
25. Ramlee bin Wahab dari Se-
kolah Ugama Sungai Hanching.

26. Ak. Duraman bin Pg. Damit
dari Sekolah Ugama Sungai
Hanching; 27. Masir bin Haji
Yahya dari Sekolah Ugama Puni;
28. Kafe bin Md. Tahir dari
Sekolah Ugama Gadong; 29.
Raya bin Abdullah dari Seko-
lah Ugama Gadong; 30. Abd.
Wahab bin Hj. Salleh dari Se-
kolah Ugama Bunut.

31. Abd. Aziz bin Jamil dari Se-
kolah Ugama Kilanas; 32. Boty
bin Awg. Damit dari Sekolah
Ugama Bengkurong; 33. Yacob
bin Ismail dari Sekolah Ugama
Lamunin; 34. Ak. Sulaiman bin
Pg. Said dari Sekolah Ugama
Berakas; 35. Ak. Yahya bin
Pg. Metassan dari Sekolah Uga-
ma Sungai Hanching.

36. Abu Bakar bin Punggut dari
Sekolah Ugama S.U.A.S. Mua-
ra; 37. Metassim bin Hj. Jabeh
dari Sekolah Ugama M/Alam,
Seria; 38. Romainoor bin Ismail
dari Sekolah Ugama M/Alam,
Seria; 39. Md. Sani bin Saman
dari Sekolah Ugama Bengku-
rong; 40. Abd. Rahman bin
Gantang dari Sekolah Ugama
Bengkurong.

41. Md. Zain bin Muntol dari
Sekolah Ugama Bengkurong;
42. Ismail bin Duraman dari Se-
kolah Ugama Kampong Tamoi
Tengah; 43. Awg. Abd. Rahman
bin Md. Yassin dari Sekolah
Ugama S.M.J.A.; 44. Awg. Is-
mail Abd. Rahman dari Sekolah
Ugama S.M.J.A.; 45. Awg. Idris
Haji Salleh dari Sekolah Ugama
Pg. Muda Mahkota.

46. Awg. Abu Bakar Ismail dari
Sekolah Ugama Danau; 47.
Awg. Abd. Rahman bin Talib
dari Sekolah Ugama Ahmad
Tajuddin; 48. Awg. Md. Yusof
Haji Metussin dari Sekolah
Ugama Sengkurong; 49. Ak.
Md. Zaini Pg. Abd. Rahman
dari Sekolah Ugama Ahmad Ta-
juddin; 50. Awg. Asni Tuah
dari Sekolah Ugama Pg. Muda
Mahkota.

Penuntut2 tersebut ada-lah di-
minta melaporkan diri ka-bangun-
an Madrasah, Bandar Brunei, pada
hari Thalatha 1 Mach, 1966, di-
antara jam 10 pagi dan 12 tengah
hari dengan membawa pakaian dan
kelengkapan2 yang perlu.

Gaji:

Dalam sukatan \$210x10-260/270
x15-360/380 x 20-480/EB/500 x
20-620.

Sharat2 Lantekan:

Chalon2 yang berjaya yang bu-
kan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan
akan di-lantek sechra berkon-
trek selama 3 tahun termasuk
masa perchuban selama 6 bu-
lan yang pertama. Pemohon

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$380x20-
480/EB/500x20-620. Gaji permu-
laan bergantung pada kelayakan
dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi
di-atas borang2 yang boleh di-pero-
lehi daripada Pegawai Perjawatan,
Brunei, dan di-kembalikan kepada
Setia Usaha Kerajaan, Brunei, ti-
dak lewat daripada 12 Mach, 1966.

SURAT KUASA HARTA PESAKA

BANDAR BRUNEI.— Pegawai
Penguasa Warith Brunei telah me-
ngeluarkan kenyataan mengenai
permohonan Dayang Kalas binte
Sidek, Kampong Pemancha Lama,
Brunei, kerana minta surat kuasa
kapada harta pesaka yang di-pu-
nyai oleh suami-nya Awang Karim
bin Haji Othman yang telah me-
ninggal dunia di-Brunei.

Permohonan ini akan di-dengar
di-dalam Mahkamah Brunei pada 1
Mach, 1966, hari Thalatha pada pu-
kul 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak atas harta
pesaka si-mati itu di-kehendaki
hadhir dan menyaksikan perbicha-
raan itu.

Kenyataan itu juga menyatakan
bahawa sa-siapa yang berhajat hen-
dak membantah permohonan itu
boleh-lah menghantar surat ban-
tahan kapada Mahkamah Pegawai
Penguasa Warith, Brunei, sa-belum
tarikh yang tersebut di-atas.

WANG PALSU \$10 DI-JUMPAI

BANDAR BRUNEI.— Sa-keping
wang kertas \$10 yang palsu telah
di-serahkan kapada pihak Pulis di-
Bandar Brunei baru2 ini.

Wang kertas tiruan itu, nombor-
nya 311955 A-56, telah di-perolehi
dari Daerah Belait.

Ukuran kertas wang palsu itu
ada-lah kecil lagi daripada Wang
Kertas \$10 yang di-gunakan di-
negeri ini. Bertambah2 pula, mutu
kertas itu ada-lah kurang baik dari-
pada mutu wang \$10 yang rasmi,
manakala perkataan2 dan nombor2
wang palsu itu, di-chetak terbalak.

Orang ramai yang menjumpai
wang kertas palsu yang sa-demiki-
an, ada-lah di-nasehatkan supaya
menyerahkan wang palsu itu kapa-
da pihak Pulis.

Majlis Perbincangan Anjoran B.P.B.B.B.

BANDAR BRUNEI.— Satu majlis
perbincangan mengenai "Semangat
Bab 82(1) Perlembagaan Negeri
Brunei yang mendaulatkan Bahasa
Melayu sebagai Bahasa Rasmi Ne-
gara" akan di-adakan di-Dewan
Kemasharakatan pada hari Juma'at
25 Februari, 1966.

Perbincangan itu ia-lah anjoran
Badan Perkembangan Bahasa dan
Budaya, Brunei. Semua ahli2 Ba-
dan tersebut dan peminat bahasa
ada-lah di-jemput hadir.

yang terdiri dari ra'ayat D.Y.
M.M. Sultan atau yang berhak
di-daftarkan sebagai ra'ayat
D.Y.M.M. Sultan akan di-beri
jawatan tetap selepas satu tem-
poh perchubuan.

Baksis:

Chalon yang di-lantek sechra
berkontrek akan di-bayar baksis
sebanyak 12½% dari gaji bagi
tiap2 bulan genap berkhidmat.
Baksis tidak akan di-bayar apa-
bila berhenti atau di-buang ker-
ja.

Butir2 lanjut mengenai chuti,
tambang, dan lain2 boleh di-dapati
daripada Pegawai Perjawatan. Pe-
jabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-
penohkan di-atas borang2 yang bo-
leh di-perolehi daripada Pegawai
Perjawatan, Brunei mesti-lah di-
kembalikan bersama2 dengan sa-
linan surat2 akuan dan sijil2 kapa-
da Setia Usaha Kerajaan, Pejabat
Setia Usaha Kerajaan, Brunei, ti-
dak lewat daripada 24 Mach, 1966.

PEMBACHA RANG

PERMOHONAN2 ada-lah di-jem-
put dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan
atau mereka yang berhak di-dafta-
kan sedemikian untuk memenohi
jawatan kosong sebagai Pembacha
Rang ("Proof Reader") di-Jabatan
Siaran Radio dan Penerangan, Bru-
nei.

Kelayakan2:

Lulus darjah V Melayu dan
Form III Inggeris.